**P.U. (A) 205.**

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

# PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (PENGECUALIAN) (PEMAJAKAN DAN SEWA-BELI) 1990

Akta 304. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Pemajakan dan Sewa-beli) 1990.**

Tafsiran. 2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

"kontrak sewa-beli" ertinya suatu kontrak di mna satu pihak kepada kontrak itu yang mempunyai radas penyinaran ("pemunya") memberikan milikan eksklusif radas penyinaran itu kepada pihak yang satu lagi kepada kontrak itu ("penyewa") bagi suatu tempoh yang ditetapkan dan pada penghujung tempoh itu penyewa sama ada secara automatik menjadi pemunya radas penyinaran itu atau diberi pilihan untuk membeli radas penyinaran itu;

"pemajakan" ertinya suatu aktiviti yang dikawalselia oleh suatu kontrak di mana satu pihak kepada kontrak itu yang mempunyai radas penyinaran ("pemberi pajak") memberikan milikan eksklusif radas penyinaran itu kepada pihak yang satu lagi kepada kontrak itu ("penerima pajak") bagi suatu tempoh yang ditetapkan.

Pengecualian. 3. Tiap-tiap orang yang menjalankan perniagaan -

*(a)* Pemajakan apa-apa radas penyinaran; atau

*(b)* Penyewaan apa-apa radas penyinaran di bawah apa-apa kontrak perjanjian sewa-beli,

adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang berhubungan dengan pemunyaan, pemilikan, penstoran, penjualan atau pemindahan radas penyinaran itu, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

*(aa)* bahawa penerima pajak atau penyewa memegang lesen kelas C yang sah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986;

P.U.(A) 149/86.

*(bb)* bahawa pemberi pajak atau pemunya memberitahu Lembaga Perlesenan Tenaga Atom secara bertulis, tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh apa-apa radas penyinaran dipajakkan, disewakan di bawah apa-apa kontrak sewa-beli, atau diambil milik semula, nama dan alamat penerima pajak atau penyewa dan lokasi radas penyinaran itu; dan

*(cc)* bahawa pemberi pajak atau pemunya memastikan bahawa pemasangan radas penyinaran itu dilaksanakan oleh orang yang diluluskan atau dilesenkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Diperbuat pada 13hb Jun 1990.
[LPTA (S): TAD/016/3; PN. (PU[2]) 425.]

Bagi pihak dan atas nama Perdana Menteri,

DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut subseksyen (2) seksyen 69 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.)

# ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

## ATOMIC ENERGY LICENSING (EXEMPTION) (LEASING AND HIRE-PURCHASE) ORDER 1990

Act 304.

IN exercise of the powers conferred by section 69 of the Atomic Energy Licensing Act 1984*,* the Minister makes the following order:

Citation.

1. This order may be cited as the **Atomic Energy Licensing (Exemption) (Leasing and Hire-Purchase) Order 1990.**

Interpretation.

2. In this Order, unless the context otherwise requires-

"hire-purchase contract" means a contract in which one party to the contract who owns an irradiating apparatus ("the owner") grants to the other party of the contract ("the hirer") exclusive possession of the irradiating apparatus for a specified period of time at the end of which the hirer either automatically becomes the owner of the irradiating apparatus or is given an option to purchase the irradiating apparatus;

"leasing" means an activity regulated by a contract in which one party to the contract who owns an irradiating apparatus ("the lessor") grants to the other party of the contract ("the lessee") exclusive possession of the irradiating apparatus for a specified period of time.

Exemption.

3. Every person who is engaged in the business of -

*(a)* Leasing out any irradiating apparatus; or

*(b)* Letting out any irradiating apparatus under any hire-purchase contract,

Is exempted from the provisions of the Atomic Energy Licensing Act 1984 relating to the ownership, possession, storage, sale or transfer of such irradiating apparatus, subject to the following conditions:

P.U.(A) 149/86.

*(aa)* that the lessee or the hirer holds a valid class C licence issued under the Radiation Protection (Licensing) Regulations 1986;

*(bb)* that the lessor or the owner informs the Atomic Energy Licensing Board in writing, not later than fourteen days from the date any irradiating apparatus is leased out, let out under any hire-purchase contract, or repossessed, of the name and address of the lessee or the hirer and the location of the

irradiating apparatus; and

*(cc)* that the lessor or the owner ensures that the installation of the irradiating apparatus is carried out by a person who is approved or licensed by the Atomic Energy Licensing Board.

Made the 13th June 1990.
[LPTA (S): TAD/016/3; PN. (PU$^{2}$)425.]

On behalf and in the name of the Prime Minister,

DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Minister in the Prime Minister's Department

(To be laid before the Dewan Rakyat and Dewan Negara in accordance with subsection (2) of section 69 of the Atomic Energy Licensing Act 1984.)